



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 336

AKTA KESALAHAN KECIL 1955

(Disemak—1987)

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara, Kuala Lumpur, bagi *Minor Offences Act 1955* sebagaimana disemak dalam tahun 1987. Melainkan dan sehingga ditetapkan sebagai sahih di bawah seksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32), ia bukannya perundangan.

Disemak sehingga 1hb September 1987

Tarikh yang ditetapkan untuk
mula berkuatkuasa 31hb Oktober 1987

Tarikh disiarkan dalam
Warta 22hb Oktober 1987

Dikanunkan dalam tahun 1955 sebagai Ordinan P.T.M. No. 3
tahun 1955.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 336

AKTA KESALAHAN KECIL 1955

(Disemak—1987)

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian.
2. Tafsiran.

PERINTAH MENGENAI BUNGA API

3. Larangan ke atas pemasangan bunga api.

MEMBAKAR BAHAN ATAU MELEPASKAN TEMBAKAN SENJATA API

4. Membakar bahan atau melepaskan tembakan senjata api.

HAIWAN

5. Haiwan gila, berbahaya dan liar.
6. Anjing yang mengejar orang, dll.
7. Liabiliti tuan punya anjing.
8. Melepaskan anjing atau haiwan lain.
9. Haiwan yang merosakkan harta.
10. Haiwan yang dibawa atau dipandu di atas jalan awam pada waktu malam.
11. Pelbagai kesalahan.

KACAU-GANGGU

12. Kesalahan berhubungan dengan jalan awam.
13. Bunyi bising yang keterlaluan.

[Susunan Seksyen]

4

AKTA 336

Seksyen

14. Kelakuan yang menghina.
15. Pelbagai kacau-ganggu.
- 15A. Menawarkan, memujuk untuk menawar, atau merayau dengan tujuan untuk menawarkan, perkhidmatan bagi keuntungan atau upah.

TENTERA, POLIS DAN ANGKATAN LAUT

16. Memiliki barang-barang tentera, tentera laut, tentera udara atau polis dengan menyalahi undang-undang.
17. Membawa spirit, dll., ke dalam berek dan balai polis.

HOTEL DAN RUMAH AWAM

18. Kelakuan tak senonoh dalam hotel, rumah penginapan, dll.

PAUN

19. Paun awam hendaklah disediakan.

KESALAHAN-KESALAHAN LAIN

20. Mayat dan orang yang hampir mati.
- 20A. Berkelakuan tak senonoh di mesyuarat awam.
21. Kemabukan dan berkelakuan tak senonoh di tempat awam.
22. Pencerobohan sengaja.
23. (*Dimansuhkan*).
24. Berkawad menyalahi undang-undang.
25. Memakai pakaian seragam yang tidak dibenarkan.
- 25A. Memakai, memiliki atau mengilang pakaian seragam samaran.
26. Menggunakan tanda sempadan dengan menyalahi undang-undang.

ORANG LESER DAN TAK SENONOH

27. Penjaja yang tidak berlesen.
- 27A. Pemelesenan penjaja.

ORANG JAHAT DAN KUTURAYAU

28. Orang yang dahulunya telah disabitkan di bawah seksyen 27.

MEMILIKI HARTA SECARA FRAUDAN

Seksyen

29. Memiliki harta secara fraudan.
30. Memusnahkan atau melupuskan barang-barang dan artikel tertentu dalam masa sepuluh hari daripada penerimaan.

AM

31. Tangkapan.
32. Kuasa untuk mengkompaun kesalahan-kesalahan.
33. Kuasa Negeri-Negeri untuk membuat undang-undang mengenai perkara-perkara jenayah kecil.
34. Pemansuhan.

JADUAL PERTAMA.

JADUAL KEDUA.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 336

AKTA KESALAHAN KECIL 1955

(Disemak—1987)

Suatu Akta berhubungan dengan kesalahan-kesalahan kecil.

[Seksyen 33—3hb Mac 1955.]

[Selebihnya—Ihb September 1955.]

[Melaka—Ihb Julai 1955.]

P.U. 311/55.

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kesalahan Kecil 1955.

Tajuk
ringkas
dan
pemakaian.

(2) Akta ini hendaklah terpakai di Malaysia Barat sahaja.

2. (1) Dalam Akta ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.
[Pin. P.U.
297/59.]

“angkatan tentera pelawat” ertiannya mana-mana angkatan tentera pelawat yang berada dengan sah di Malaysia di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang pada masa itu berkuatkuasa berhubungan dengan angkatan tentera pelawat;

“angkatan tentera tempatan” termasuklah mana-mana angkatan tentera yang ditubuh dan disenggarakan dalam Malaysia di bawah peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis;

“jalan awam” termasuklah tiap-tiap jalan, lebuh, jambatan, laluan, kaki lima atau medan di mana orang ramai mempunyai hak lalu-lalang; dan ungkapan “di atas atau berdekatan dengan mana-mana jalan awam” termasuklah semua tempat di jalan awam dan semua

tempat dalam lingkungan sepuluh ela daripadanya yang tidak diasingkan dengan berkesan dan tersembunyi daripada jalan oleh tembuk atau selainnya;

“kenderaan” termasuklah mana-mana kenderaan sama ada menggunakan kuasa jentera atau selainnya;

“Ketua Pegawai Polis” ertinya Ketua Pegawai Polis sesuatu Negeri;

“kuda” termasuklah baghal, kuda kecil dan keldai;

“lembu” termasuklah lembu jantan, lembu, lembu kembiri dan kerbau;

23/67.

“Malaysia Barat” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 3 Akta Tafsiran 1967, dan termasuklah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;

“Menteri” ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi pasukan polis;

“kaki lima awam” ertinya mana-mana kaki lima yang dibuat atau disediakan untuk kegunaan atau kemudahan orang yang berjalan kaki di mana orang ramai mempunyai hak lalu-lalang;

“tempat peranginan awam” ertinya mana-mana tempat yang dilesenkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa di Malaysia berhubungan dengan panggung wayang dan termasuklah taman hiburan.

(2) Arked mana-mana rumah, jika arked itu mempunyai sempadan yang sama dengan mana-mana lebuh, walau apa pun hak mengenai harta pemunya terhadap rumah tersebut, bagi maksud Akta ini, hendaklah disifatkan sebagai kaki lima awam.

PERINTAH MENGENAI BUNGA API

Larangan
ke atas
pemasangan
bunga api.

3. (1) Seorang Ketua Pegawai Polis atau mana-mana pegawai yang diberikuasa olehnya secara bertulis dengan nama atau jawatan (dalam seksyen ini disebut sebagai pegawai diberikuasa) boleh mengeluarkan

perintah, yang hendaklah disiarkan dalam *Warta*, membenarkan pemasangan bunga api pada hari-hari yang tertentu yang ditetapkan, dan pada atau di antara masa-masa yang tertentu yang ditetapkan, dan dalam lingkungan kawasan tertentu yang dijelaskan, dan dalam kes-kes tertentu atau pada masa-masa tertentu boleh mengeluarkan kepada mana-mana orang atau kumpulan orang lesen-lesen bagi memasang bunga api.

(2) Tiada apa-apa perintah atau lesen sedemikian boleh disifatkan sebagai memberi kuasa atau permit bagi memasang bom atau mercun..

(3) Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen ini hendaklah menyatakan tempat di mana dan masa-masa di antara mana bunga api itu boleh dipasang dan perihalan bunga api yang boleh digunakan, dan boleh mengandungi syarat-syarat sebagaimana yang difikirkan patut dikenakan oleh Ketua Pegawai Polis atau pegawai diberikuasa itu.

(4) Tiada apa-apa kebenaran yang disiarkan, atau lesen yang dikeluarkan sedemikian, boleh disifatkan sebagai melepaskan mana-mana orang daripada liabiliti sekiranya berlaku apa-apa kerosakan, kerugian atau kecederaan terhadap seseorang atau harta yang disebabkan oleh pemasangan bunga api tersebut.

(5) Mana-mana orang yang memasang apa-apa bunga api, melainkan mengikut terma-terma suatu perintah atau lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen ini, boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ratus ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu bulan atau kedua-duanya.

MEMBAKAR BAHAN ATAU MELEPASKAN TEMBAKAN SENJATA API

4. Mana-mana orang yang tanpa alasan yang sah di sisi undang-undang menyalakan api pada atau membakar apa-apa bahan yang menggusarkan, menyusahkan atau membahayakan orang ramai, atau melepaskan tembakan mana-mana senjata api atau senapang angin, atau melepaskan mana-mana belon api atau roket di

Membakar
bahan
atau
melepaskan
tembakan
senjata
api.

atas atau berdekatan dengan mana-mana jalan awam, boleh dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ringgit.

HAIWAN

Haiwan
gila,
berbahaya
dan liar.

5. (1) Tiap-tiap pihak berkuasa haiwan dan tiap-tiap pelindung hidupan liar dan, dalam masa ketiadaan sesuatu pihak berkuasa haiwan atau pelindung hidupan liar, tiap-tiap pegawai polis hendaklah mengawal mana-mana haiwan yang disyaki dengan munasabah adalah gila atau berbahaya, dan mana-mana haiwan liar yang dijumpai berkeliaran dalam atau berdekatan dengan mana-mana tempat awam dalam hal keadaan yang membahayakan orang ramai.

(2) Jika terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana haiwan gila, berbahaya atau liar tersebut tidak boleh dikawal tanpa risiko kecederaan kepada orang daripada pihak berkuasa haiwan, pelindung hidupan liar atau pegawai polis yang cuba mengawalnya, pihak berkuasa haiwan, pelindung hidupan liar atau pegawai polis tersebut boleh menembak atau selainnya memusnahkan haiwan tersebut.

(3) Dalam seksyen ini "pihak berkuasa haiwan" hendaklah mempunyai erti yang sama sebagaimana dalam Ordinan Binatang 1953, dan "pelindung hidupan liar" termasuklah tiap-tiap orang yang mempunyai kuasa pelindung hidupan liar di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan binatang liar yang pada masa itu berkuatkuasa di Malaysia atau mana-mana bahagian daripadanya.

17/1953.

Anjing
yang
mengejar
orang,
dll.

6. Jika dibuktikan dengan memuaskan hati majistret bahawa mana-mana anjing mempunyai tabiat mengejar orang atau kenderaan, kuda, lembu, kambing biri-biri, kambing atau babi yang melalui sepanjang jalan awam, tuan punya anjing tersebut bolehlah dikenakan denda tidak melebihi satu ratus ringgit.

7. (1) Tuan punya tiap-tiap anjing yang menyebabkan kecederaan kepada mana-mana orang boleh dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ringgit; dan pampasan bagi mana-mana kecederaan itu tidak melebihi satu ratus ringgit hendaklah ditaksirkan oleh majistret dan hendaklah didapatkan kembali dengan cara yang diperuntukkan oleh undang-undang bagi mendapatkan kembali denda di hadapan majistret, sebagai tambahan kepada apa-apa denda lain yang dikenakan di bawah subseksyen ini, daripada tuan punya anjing itu dan hendaklah dibayar kepada orang yang cedera itu.

Liabiliti
tuan
punya
anjing.
[Gan. Akta
15/61.]

(2) Dalam mana-mana pendakwaan yang berhubungan dengan mana-mana anjing di bawah subseksyen (1), adalah tidak perlu menunjukkan kecenderungan jahat anjing tersebut pada masa dahulu atau pengetahuan tuan punya terhadap kecenderungan pada masa dahulu itu atau bahawa kecederaan itu adalah disebabkan keabaian tuan punya tersebut.

(3) Penghuni mana-mana rumah atau premis di mana anjing disimpan atau dibenarkan tinggal atau mendiami pada masa berlakunya mana-mana kecederaan itu sebagaimana yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai tuan punya anjing tersebut dan hendaklah bertanggungan terhadapnya melainkan penghuni tersebut boleh membuktikan bahawa dia bukannya tuan punya anjing tersebut pada masa kecederaan yang diadukan itu dilakukan dan bahawa anjing tersebut telah disimpan atau dibenarkan tinggal atau mendiami rumah atau premis tersebut tanpa kebenaran atau pengetahuannya:

Dengan syarat bahawa jika terdapat lebih daripada seorang penghuni dalam mana-mana rumah atau premis yang dipakkan sebagai apartmen atau lojing yang berasingan atau selainnya, penghuni sesuatu bahagian tertentu premis itu di mana anjing tersebut telah disimpan atau dibenarkan tinggal atau mendiami pada masa kecederaan tersebut hendaklah disifatkan sebagai tuan punya anjing tersebut.

(4) Tiada apa-apa pampasan boleh dibayar kepada mana-mana orang di bawah seksyen ini berkenaan dengan kecederaan yang dialami dalam mana-mana rumah atau premis melainkan dibuktikan bahawa dia memasuki rumah atau premis tersebut dalam urusan biasa tugasnya atau dengan izin yang nyata atau tersirat penghuninya.

(5) Tiada liabiliti jenayah akan timbul di bawah seksyen ini berkenaan dengan apa-apa kecederaan yang dialami oleh mana-mana orang dalam mana-mana rumah atau premis melainkan orang tersebut telah memasuki rumah atau premis itu dalam urusan biasa tugasnya atau dengan izin yang nyata atau tersirat penghuninya.

(6) Tuan punya tidak akan bertanggungan di bawah seksyen ini terhadap apa-apa kecederaan yang dialami oleh mana-mana orang jika kecederaan tersebut adalah disebabkan oleh perbuatan salah orang itu.

Melepaskan
anjing
atau
haiwan
lain.

8. Mana mana orang yang tanpa alasan yang sah di sisi undang-undang menggalak atau mendorong mana-mana anjing atau haiwan lain untuk menyerang, membimbangkan atau menakutkan mana-mana orang atau haiwan, boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ratus ringgit.

Haiwan
yang
merosakkan
harta.

9. Sesiapa yang menjadi tuan punya atau orang yang menjaga mana-mana kuda, lembu, kambing biri-biri, kambing atau babi yang membenarkan haiwan tersebut merayau di atas mana-mana jalan awam atau di mana-mana harta awam atau persendirian boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ratus ringgit berkenaan dengan setiap haiwan, dan semua kerosakan yang dilakukan oleh haiwan tersebut hendaklah ditaksirkan oleh majistret, dan hendaklah didapatkan kembali dengan cara yang diperuntukkan oleh undang-undang bagi mendapatkan kembali denda di hadapan majistret, berserta dengan apa-apa amanun yang akan dilevi sebagai denda, daripada tuan punya haiwan itu.

Dalam hal kerosakan terhadap harta persendirian amaun kerosakan yang didapatkan kembali hendaklah dibayar kepada orang itu sebagaimana yang diarahkan oleh majistret.

10. (1) Tiada kuda, lembu, kambing biri-biri, kambing atau babi boleh dibawa atau dipandu di atas mana-mana jalan awam di antara masa matahari terbenam dan matahari terbit melainkan haiwan tersebut dijaga oleh sekurang-kurangnya seorang dewasa yang membawa cahaya yang dapat dilihat dalam jarak yang munasabah dari kedua-dua arah ke mana haiwan itu dibawa atau dipandu dan dari arah sebaliknya.

Haiwan yang dibawa atau dipandu di atas jalan awam pada waktu malam.

(2) Jika mana-mana haiwan itu dibawa atau dipandu di atas mana-mana jalan awam yang berlanggaran dengan peruntukan seksyen ini tuan punya dan mana-mana orang yang menjaga haiwan tersebut boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ratus ringgit.

11. Mana-mana orang yang—

Pelbagai kesalahan.

(a) membawa, memandu atau menunggang mana-mana kuda, lembu, kambing biri-biri, kambing atau babi di atas mana-mana jalan awam dengan cara yang tidak dapat mengawalnya atau dengan cara yang membahayakan atau menghalang orang-orang atau lalulintas yang bergerak di atas jalan itu;

(b) memandu, menunggang atau membawa mana-mana gajah di atas mana-mana jalan awam tanpa kebenaran daripada Ketua Pegawai Polis atau daripada seorang pegawai yang diberikuasa olehnya secara bertulis dengan nama atau jawatan;

(c) memandu atau menunggang mana-mana haiwan dengan cara yang gopoh atau cuai yang menunjukkan tidak mementingkan keselamatan orang lain;

(d) yang menjaga mana-mana kuda, lembu, kambing biri-biri, kambing atau babi di atas mana-mana jalan awam atau tempat awam

gagal mengambil langkah-langkah yang wajar untuk menjaga haiwan tersebut di bawah kawalan yang sewajarnya;

- (e) mendedahkan di atas mana-mana jalan awam untuk pertunjukan, sewa-guna atau jualan mana-mana kuda atau haiwan lain atau membersihkan atau memakaikan mana-mana kuda atau haiwan lain dengan cara yang boleh mengganggu lalulintas,

boleh dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ringgit.

KACAU-GANGGU

Kesalahan berhubungan dengan jalan awam.

12. Mana-mana orang yang—

- (a) tanpa kuasa atau alasan yang sah di sisi undang-undang meletakkan apa-apa batu, bata atau benda lain di atas mana-mana jalan awam yang boleh menyebabkan halangan atau boleh membuat penggunaan jalan itu menjadi kurang senang;
- (b) membiarkan di atas mana-mana jalan awam apa-apa benda yang telah terjatuh daripada mana-mana kenderaan yang dijaganya;
- (c) menunggang atau memandu apa-apa kenderaan di atas mana-mana kaki lima awam;
- (d) menyebabkan atau membiarkan barang-barang atau benda-benda lain diletak di atas mana-mana kaki lima awam atau bahagian lain suatu jalan awam atau selainnya menyebabkan atau membiarkan barang-barang atau benda-benda lain itu menjadi halangan atau mendatangkan kesusahan terhadap laluan orang ramai bagi masa yang lebih panjang daripada yang sebenarnya diperlukan bagi mengisi atau memunggah barang-barang atau benda-benda lain itu;

- (e) menerbangkan apa-apa layang-layang atau memainkan apa-apa permainan atau melakukan apa-apa perbuatan yang secara tidak munasabah menghalang atau mengganggu lalulintas di mana-mana jalan awam, atau wayar mana-mana telefon atau telegraf, atau sistem lampu elektrik awam,

boleh dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ringgit.

13. (1) Mana-mana orang yang—

- (a) di dalam had mana-mana bandar atau kampung di antara masa tengah malam dan 6 pagi atau di atas mana-mana jalan awam atau tempat awam pada bila-bila masa, memukul dram atau gendang, atau meniup hon atau trompet, atau memukul atau membunyikan apa-apa alat atau perkakas dengan suatu cara yang boleh menggusarkan atau menyusahkan penghuni mana-mana premis yang berhampiran; atau
- (b) memasang atau menyebabkan atau mengakibatkan pemasangan apa-apa gramofon atau pembesar suara tanpa wayar atau pianola atau bentuk muzik lain yang dikeluarkan dengan cara mekanik atau elektrik dengan suatu cara yang boleh menggusarkan atau menyusahkan penghuni mana-mana premis yang berhampiran; atau
- (c) memasang atau menyebabkan atau mengakibatkan pemasangan di atas atau berdekatan dengan mana-mana jalan awam atau tempat awam atau dalam mana-mana kedai, premis perniagaan, bangunan atau tempat yang berdekatan dengan mana-mana jalan awam atau tempat awam apa-apa gramofon atau pembesar suara tanpa wayar atau apa-apa sahaja alat lain yang

Bunyi
bising
yang
keterlaluan.

menghasilkan bunyi atau muzik dengan suatu cara yang boleh mengusarkan atau menyusahkan penghuni mana-mana premis yang berhampiran,

boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ratus ringgit.

(2) Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak kurang daripada Inspektor, di atas aduan tuan rumah bahawa bunyi apa-apa alat sedemikian adalah berbahaya kepada mana-mana orang sakit yang tinggal berdekatan dengan tempat di mana alat tersebut dipasang, atau bagi sebab lain yang baik dan mencukupi, boleh memasuki premis atau tempat lain di mana alat itu sedang dipasang, dan selepas memberi amaran, memberhentikannya, sama ada dengan mengambil alat itu atau dengan cara lain yang bersesuaian.

[*Pin. P.U.
297/59.*]

(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh terpakai bagi apa-apa muzik yang dimainkan oleh mana-mana angkatan bersenjata Malaysia atau oleh mana-mana angkatan tentera tempatan atau angkatan tentera pelawat atau oleh pasukan polis atau terhadap apa-apa panggilan, sembahyang atau bunyi lain yang dikeluarkan bagi maksud keagamaan atau terhadap wisel polis yang ditüp oleh mana-mana orang bagi maksud meminta bantuan atau terhadap penggunaan yang munasabah apa-apa hon, loceng, wisel atau alat sepertinya pada mana-mana kereta, basikal atau kenderaan lain di atas jalan awam bagi maksud mengelakkan sesuatu kemalangan, atau terhadap apa-apa yang dilakukan dengan kebenaran Ketua Pegawai Polis.

Kelakuan
yang
menghina.

14. Mana-mana orang yang menggunakan perkataan-perkataan yang lucah, mengugut, kasar atau menghina, atau berkelakuan dengan cara yang mengugut atau menghina, atau menampal atau melekatkan atau mempamerkan apa-apa kertas bertulis atau lukisan yang lucah, mengugut, kasar atau menghina dengan niat membangkitkan keadaan tidak aman, atau di mana suatu keadaan tidak aman mungkin akan berlaku, boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ratus ringgit.

15. (1) Mana-mana orang yang—

- (a) (Dipotong oleh Akta 40/67); Pelbagai kacau-ganggu.
- (b) mandi atau membasuh dirinya, atau mana-mana orang lain, haiwan atau benda di atas mana-mana jalan awam, atau dalam atau di tepi mana-mana tangki awam, resevoir, paip air, alur air atau anak sungai, yang penggunaan terhadapnya untuk mandi adalah dilarang oleh Ketua Pegawai Polis atau mana-mana pihak berkuasa lain yang sah di sisi undang-undang; Mandi di tempat awam.
- (c) menghalang atau mengacau seseorang yang mandi di mana-mana tempat yang disediakan sebagai tempat mandi dengan gangguan sengaja, atau dengan membersihkan mana-mana haiwan pada atau berdekatan dengan tempat tersebut, atau dengan apa-apa cara lain; Menghalang orang mandi.
- (d) meludah dalam mana-mana kedai kopi, kedai makan, premis sekolah atau tempat awam atau dalam mana-mana bas-troli, bas, gerabak keretapi atau kenderaan awam lain atau dalam atau berdekatan dengan mana-mana jalan awam: Meludah.

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa juga dalam perenggan ini akan menghalang mana-mana orang daripada berludah ke dalam apa-apa bekas yang diperuntukkan bagi maksud itu atau ke dalam mana-mana parit,

boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ratus ringgit.

(2) Mana-mana orang yang tanpa kuasa dalam hal harta awam atau tanpa izin tuan punya atau penghuni dalam hal harta persendirian—

- (a) melekatkan atau menyebabkan dilekatkan apa-apa iklan, poster atau notis, atau apa-apa kertas atau sepanduk di atas atau pada mana-mana harta; Melekatkan poster atau selainnya merosakkan harta.
[Tam. Akta 27/66.]

- (b) menulis di atas, membuat tanda, merosakkan atau menconteng dengan kapur atau cat atau dengan apa-apa cara lain mana-mana harta;
- (c) merosakkan, mengubah atau mengalih mana-mana harta,

boleh dikenakan tempoh penjara tidak melebihi satu tahun atau denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau kedua-duanya.

Dalam subseksyen ini ungkapan "harta" termasuklah apa-apa bangunan, dinding, jalan, pagar, pokok, tiang lampu, lampu atau tiang telefon, lampu isyarat lalulintas dan papan tanda.

Menawarkan, memujuk untuk menawar, atau merayau dengan tujuan untuk menawarkan, perkhidmatan bagi keuntungan atau upah.
[Tam. Akta 27/66.]

15A. (1) Mana-mana orang yang berada dalam mana-mana pejabat Kerajaan atau dalam pejabat mana-mana pihak berkuasa awam, atau yang berhampiran dengannya menawar, atau memujuk untuk menawar, atau merayau dengan tujuan untuk menawarkan, bagi keuntungan atau upah perkhidmatannya kepada mana-mana orang yang mempunyai urusan dalam pejabat itu atau mana-mana pejabat lain (sama ada perkhidmatan yang ditawarkan itu berhubungan dengan urusan itu atau tidak) adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan denda tidak melebihi lima ratus ringgit atau dengan penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya:

Dengan syarat bahawa peruntukan-peruntukan terdahulu tidak terpakai bagi—

- (a) mana-mana orang yang diberi lesen di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau selainnya diberikuasa untuk bertindak sebagai penulis petisyen; dan
- (b) mana-mana pegawai dalam pejabat itu yang dilantik khas untuk menasihati orang ramai di atas urusan yang dijalankan dalam pejabat tersebut.

(2) Bagi maksud seksyen ini "pejabat Kerajaan" termasuklah pejabat Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Tinggi, Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Majistret, dan "pihak berkuasa awam" hendaklah bererti pihak berkuasa tempatan, atau pihak berkuasa berkanun yang menjalankan kuasa-kuasa yang terletakhak padanya oleh undang-undang Persekutuan atau Negeri.

(3) Mana-mana orang yang menawarkan atau memujuk untuk menawarkan perkhidmatannya atau merayau dalam mana-mana pejabat yang disebutkan dalam subseksyen (1) atau yang berhampiran dengannya hendaklah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya telah menawarkan atau memujuk untuk menawarkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, perkhidmatannya bagi keuntungan atau upah.

TENTERA, POLIS DAN ANGKATAN LAUT

16. Mana-mana orang yang dengan pengetahuannya menyimpan, membeli, menukar atau menerima daripada mana-mana orang yang berkhidmat dalam angkatan bersenjata Malaysia atau dalam mana-mana angkatan tentera tempatan atau angkatan tentera pelawat atau daripada mana-mana anggota pasukan polis Malaysia atau Singapura apa-apa peralatan, pakaian atau barang-barang atau keperluan lain angkatan tentera, angkatan tentera laut, angkatan tentera udara atau pasukan polis, atau apa-apa harta lain kepunyaan Kerajaan Malaysia atau Singapura atau Kerajaan negara angkatan tentera pelawat itu, atau apa-apa pingat bagi jasa baik atau bagi khidmat terpuji atau khidmat lain, atau sesiapa yang memiliki atau menyimpan apa-apa peralatan, pakaian atau barang-barang atau keperluan lain angkatan tentera, angkatan tentera laut, angkatan tentera udara atau pasukan polis atau harta atau pingat lain sebagaimana di atas dan tidak memberi penerangan yang memuaskan bagaimana dia mendapatkannya boleh dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam minggu atau kedua-duanya.

Memiliki barang-barang tentera, tentera laut, tentera udara atau polis dengan menyalahi undang-undang.
[Pin. P.U. 297/59.]

Membawa
spirit,
dll., ke dalam
berek dan
balai polis.
[Pin. P.U.
297/59.]

17. Mana-mana orang yang, bukannya seorang yang berkhidmat dalam angkatan bersenjata Malaysia atau dalam mana-mana angkatan tentera tempatan atau angkatan tentera pelawat atau anggota pasukan polis, membawa atau cuba membawa masuk ke mana-mana berek, bilik pengawal atau kem tentera, atau ke atas atau di sisi mana-mana vesel perang kepunyaan atau pengangkutan yang disewa oleh Kerajaan Malaysia atau kepunyaan negara angkatan tentera pelawat itu, atau mana-mana vesel dalam perkhidmatan Kerajaan Malaysia atau mana-mana Negeri di mana-mana pelabuhan dalam Malaysia atau ke dalam mana-mana berek polis, balai polis atau lokap atau ke dalam mana-mana hospital awam atau hospital mental apa-apa liquor yang memabukkan, dadah atau bancuhan tanpa kebenaran Pegawai Pemerintah atau Ketua Pegawai Polis atau orang yang menjaga hospital awam atau hospital mental itu, boleh dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya dan liquor, dadah atau bancuhan sedemikian dan bekas-bekas yang mengandunginya boleh dilucutahak.

HOTEL DAN RUMAH AWAM

Kelakuan
tak senonoh
dalam hotel,
rumah
penginapan,
dll.

18. (1) Penjaga mana-mana hotel, rumah penginapan, rumah awam, rumah tumpangan terbuka, kedai makan, kedai kopi atau tempat hiburan atau peranginan awam lain yang membenarkan kemabukan atau lain-lain kelakuan tak senonoh dalam rumah atau tempat tersebut, atau membenarkan pelacur atau orang yang dikenali berwatak jahat berjumpa atau tinggal untuk tujuan melacur atau berkelakuan aib di dalamnya, boleh dikenakan denda tidak melebihi tiga ratus ringgit atau dalam hal kesalahan kedua atau seterusnya denda tidak melebihi lima ratus ringgit.

(2) Apabila mana-mana orang boleh dikenakan di bawah peruntukan subseksyen (1) di atas hukuman bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, keabaian atau keingkaran, dia boleh dikenakan hukuman yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, keabaian atau keingkaran yang serupa oleh mana-mana ejen atau pengkhidmat yang diambil bekerja olehnya dalam

urusan perniagaannya sebagai penjaga hotel, rumah penginapan, rumah awam, rumah tumpangan terbuka, kedai makan, kedai kopi atau tempat hiburan atau peranginan awam lain sedemikian; dan tiap-tiap ejen atau pengkhidmat yang diambil bekerja oleh mana-mana orang dalam urusan perniagaannya seperti yang disebut terdahulu boleh juga dikenakan hukuman yang ditetapkan oleh subseksyen (1) seksyen ini bagi perbuatan, peninggalan, keabaian atau keingkaran sedemikian dengan sepenuhnya dan berkuatkuasa seolah-olah ejen atau pengkhidmat tersebut adalah penjaga hotel, rumah penginapan, rumah awam, rumah tumpangan terbuka, kedai makan, kedai kopi, atau tempat hiburan atau peranginan awam lain sedemikian.

PAUN

19. (1) Paun awam hendaklah disediakan dan penjaga paun dilantik bagi tempat-tempat sedemikian sebagaimana Menteri Besar atau Ketua Menteri bagi Negeri boleh arahkan.

Paun awam hendaklah disediakan.
[Pin. P.U.
(NS) 1/57.]
[Pin. P.U.
297/59.]

(2) Mana-mana orang boleh dan mana-mana pegawai polis hendaklah menyita semua kuda, lembu, kambing, kambing biri-biri dan babi yang dijumpai berkerumun, ditambat, atau berkeliaran di atas mana-mana jalan awam atau menceroboh masuk mana-mana harta awam atau persendirian, dan menahan haiwan itu di paun awam.

(3) Mana-mana haiwan yang dipaun sedemikian boleh ditebus oleh tuan punyanya dalam masa sepuluh hari selepas dipaun sedemikian di atas pembayaran kepada penjaga paun itu apa-apa fee sebagaimana yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri dan disiarkan dalam *Warta* dan perbelanjaan memberi makan haiwan semasa dipaun mengikut kadar yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Ketua Pegawai Polis Negeri itu.

(4) Mana-mana haiwan yang tidak ditebus seperti yang disebut terdahulu boleh dijual kepada orang ramai melalui perintah Ketua Pegawai Polis, dan hasil daripada jualan tersebut selepas ditolak fee tersebut dan perbelanjaan memberi makan hendaklah dibayar kepada tuan punya haiwan tersebut, atau jika tidak dituntut dalam tempoh tiga bulan selepas penjualan itu hendaklah disimpan oleh Ketua Pegawai Polis dan dibayar kepada Perbendaharaan.

Penalti bagi pelanggaran paun.

N.M.B.
Bab 45.

(5) Mana-mana orang yang mengeluarkan mana-mana haiwan daripada sesuatu paun awam tanpa pengetahuan dan izin daripada penjaga paun itu boleh dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ringgit.

(6) Tiap-tiap penjaga paun hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam dalam erti Kanun Kesejahteraan.

KESALAHAN-KESALAHAN LAIN

Mayat dan orang yang hampir mati.

20. Sesiapa jua pun yang meletakkan atau menyebabkan diletakkan mana-mana orang yang hampir mati atau mana-mana mayat di mana-mana tempat awam atau di mana-mana tempat persendirian tanpa izin tuan punyanya boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ratus lima puluh ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Berkelakuan tak senonoh di mesyuarat awam.

20A. (1) Jika seorang pegawai polis mengesyaki dengan munasabah mana-mana orang di sesuatu mesyuarat awam yang sah di sisi undang-undang berkelakuan atau menghasut orang lain untuk berkelakuan dengan suatu cara yang boleh menyebabkan pecah keamanan atau berterusan mengganggu prosiding di mesyuarat itu dengan cara yang boleh menghalang transaksi urusan yang baginya mesyuarat itu diadakan, dia boleh, jika diminta oleh pengurus mesyuarat itu, meminta orang tersebut meninggalkan tempat di mana mesyuarat tersebut sedang diadakan dengan serta-merta sehingga selepas selesainya prosiding itu.

(2) Mana-mana orang yang gagal mematuhi kehendak pegawai polis yang dibuat di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ratus ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua bulan atau kedua-duanya.

21. Mana-mana orang yang dijumpai mabuk dan tak upaya menjaga dirinya sendiri, atau bersalah melakukan apa-apa rusuhan, berkelakuan tak senonoh atau lucah, atau berterusan memujuk atau merayu bagi maksud-maksud tak bermoral di mana-mana jalan awam atau di mana-mana tempat awam atau tempat hiburan atau peranginan awam, atau berhampiran dengan mana-mana Mahkamah atau mana-mana pejabat awam atau balai polis atau tempat ibadat, boleh dikenakan denda tidak melebihi dua puluh lima ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi empat belas hari, dan bagi sabitan kedua atau seterusnya denda tidak melebihi satu ratus ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

Kemabukan
dan
berkelakuan
tak senonoh
di tempat
awam.

22. Sesiapa jua pun yang, tanpa alasan yang memuaskan, dengan sengaja menceroboh masuk atau ke atas mana-mana rumah kediaman atau premis, atau ke atas mana-mana tanah yang berkembar dengannya, atau ke atas mana-mana bot atau vesel, atau ke atas mana-mana tanah kepunyaan Kerajaan Malaysia atau mana-mana Negeri atau yang diperuntukkan bagi apa-apa maksud awam, yang tidak dengan itu dalam mana-mana hal di atas menyebabkan apa-apa kerosakan sebenar, atau tidak menyebabkan, pada pendapat Majistret, lebih daripada kerosakan nominal, boleh dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ringgit.

Pen-
cerobohan
sengaja.

23. (*Dimansuhkan oleh Ord. 43/58 mulai 1-1-59*).

Berkawad
menyalahi
undang-
undang.
[Pin. P.U.
297/59.]

24. Mana-mana orang, yang bukan menjadi anggota angkatan bersenjata Malaysia atau mana-mana angkatan tentera tempatan atau angkatan tentera pelawat atau pasukan polis Malaysia, yang—

- (a) berada di atau menghadiri mana-mana perjumpaan atau perhimpunan orang-orang bagi maksud berlatih atau berkawad sesama mereka, atau dilatih atau berkawad, untuk menggunakan senjata cara tentera, atau bagi maksud berlatih latihan atau gerakan tentera; atau
- (b) berada di atau menghadiri mana-mana perjumpaan atau perhimpunan sedemikian bagi maksud melatih atau menyuruh berkawad mana-mana orang atau orang-orang menggunakan senjata cara tentera atau amalan latihan atau gerakan tentera; atau
- (c) melatih atau menyuruh berkawad mana-mana orang atau orang-orang lain cara-cara menggunakan senjata cara tentera atau amalan latihan atau gerakan tentera atau dengan apa-apa cara menolong atau membantu, di dalamnya,

boleh ditangkap oleh mana-mana pegawai polis tanpa waran dan boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ratus ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Memakai
pakaian
seragam
yang
tidak
dibenarkan.
[Pin. P.U.
297/59.]

25. Sesiapa jua pun yang memakai tanpa kebenaran yang sewajarnya pakaian seragam yang ditetapkan bagi kegunaan mana-mana angkatan bersenjata Malaysia atau mana-mana angkatan tentera tempatan atau angkatan tentera pelawat atau pasukan polis Malaysia atau Singapura atau mana-mana Kerajaan atau Pihak Berkuasa Tempatan atau apa-apa pakaian yang menyerupai atau mengandungi apa-apa lencana pasukan atau lain-lain lencana yang jelas bagi pakaian seragam itu atau apa-apa tiruan warna terhadapnya

jika disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ringgit, dan apa-apa pakaian seragam, pakaian, lencana atau tanda tersebut boleh dilucutah:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menjelaskan pemakaian pakaian seragam tersebut bagi maksud apa-apa pertunjukan pentas.

25A. (1) Mana-mana orang, yang bukan anggota angkatan bersenjata Malaysia atau angkatan tentera pelawat, yang memakai apa-apa pakaian seragam samaran atau mana-mana bahagian daripadanya atau apa-apa yang menyerupai pakaian seragam samaran atau mempunyai dalam miliknya, penjagaannya atau kawalannya apa-apa kain samaran atau pakaian seragam samaran atau mana-mana bahagian daripadanya atau apa-apa yang menyerupai mana-mana pakaian seragam samaran atau kain samaran adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ratus ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Memakai,
memiliki
atau
mengilang
pakaian
seragam
samaran.
[Tamb. Akta
A44.]

(2) Mana-mana orang, tanpa kebenaran bertulis daripada Menteri, yang membuat, mengilang, menjual, membeli, mengimport atau mengeksport apa-apa kain samaran atau apa-apa pakaian seragam samaran atau mana-mana bahagian daripadanya atau sesuatu yang menyerupai pakaian seragam samaran atau kain samaran adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.

(3) (a) Mana-mana pegawai polis boleh tanpa waran menangkap mana-mana orang yang disyaki melakukan mana-mana kesalahan di bawah seksyen ini dan apa-apa barang yang berhubungan dengan kesalahan yang dilakukan itu boleh disita oleh pegawai polis tersebut.

(b) Suatu perintah bagi perlucutahan apa-apa barang yang disita di bawah perenggan (a) hendaklah dibuat oleh mahkamah tanpa mengira bahawa tiada seorang pun telah disabitkan dengan kesalahan di bawah seksyen ini.

(4) Bagi maksud-maksud seksyen ini—

“angkatan tentera pelawat” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya oleh Akta Angkatan Tentera Pelawat 1960;

“kain samaran” ertinya suatu jenis kain bagi membuat pakaian seragam samaran sebagaimana yang ditentukan dalam Bahagian I Jadual Kedua;

“Menteri” ertinya Menteri yang pada masa itu bertanggungjawab terhadap pertahanan;

“pakaian seragam samaran” ertinya pakaian seragam yang direka sebagaimana yang ditentukan dalam Bahagian II Jadual Kedua.

[Akta A44.] (5) Menteri boleh melalui perintah dari semasa ke semasa meminda Jadual Kedua.

Menggunakan
tanda
sempadan
dengan
menyalahi
undang-
undang.

26. (1) Sesiapa jua pun yang dengan menyalahi undang-undang meletakkan atau menegakkan atau menyebabkan diletakkan atau ditegakkan apa-apa tanda sempadan untuk menunjukkan atau berupa untuk menunjukkan suatu sempadan mana-mana tanah boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ratus ringgit.

(2) Dalam seksyen ini “tanda sempadan” termasuklah suatu tanda dalam bentuk anak panah yang lebar atau apa-apa batu pengukur, besi paip atau pepaku, pancang atau tonggak kayu, tonggak atau tiang konkrit, atau apa-apa tanda pengukur lain.

ORANG LESER DAN TAK SENONOH

27. (a) Tiap-tiap penjaja yang berkeliaran dan bermiaga tanpa dilesenkan dengan sewajarnya atau selain daripada diberikuasa oleh undang-undang; Penjaja yang tidak berlesen.
- (b) tiap-tiap pelacur yang berkelakuan tak senonoh atau sumbang di atas atau berdekatan dengan mana-mana jalan awam atau di mana-mana tempat peranginan awam; Pelacur.
- (c) tiap-tiap orang yang mengemis di tempat awam, atau di tempat di mana orang ramai dibenarkan masuk tanpa bayaran atau dengan bayaran, atau membuat di mana-mana tempat tersebut kelakuan yang dikira mendorong pemberian sedekah (sama ada atau tidak berpura-pura menyanyi, bermain, membuat pertunjukan, menawarkan apa-apa bagi jualan atau selainnya), dan mempunyai atau mampu mempunyai sumber pendapatan lain yang sah disisi undang-undang bagi penghidupan; Pengemis.
[Gan. Akta 19/65.]
- (d) tiap-tiap orang yang mengemis dalam masa dua tahun setelah menjadi penghuni di sesebuah rumah kebajikan di bawah Akta *Akta 183. Orang-orang Papa 1977*, Akta 183.

hendaklah disifatkan sebagai orang lesor dan tak senonoh dan boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ratus ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu bulan atau kedua-duanya.

- 27A. (1) Raja atau Yang di-Pertua Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh membuat kaedah-kaedah yang memperuntukkan bagi pemelesenan penjaja atau mana-mana kelas atau kelas-kelas penjaja di mana-mana kawasan dalam Negeri itu:

Pemelesenan penjaja.
[Tam. Ord. 63/58.]

Dengan syarat bahawa penjaja yang dilesenkan atau dikehendaki dilesenkan di atas pembayaran suatu fee di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang berkuatkuasa di Negeri itu tidaklah boleh dikehendaki dilesenkan di bawah mana-mana kaedah yang dibuat menurut peruntukan-peruntukan subseksyen ini.

(2) Raja atau Yang di-Pertua Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh, melalui kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini, menetapkan fee yang akan dikenakan bagi mana-mana lesen yang dikeluarkan.

(3) Kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat oleh pihak berkuasa tempatan di bawah mana-mana undang-undang bertulis hendaklah memperuntukkan bahawa lesen penjaja tidak boleh diberi kepada mana-mana orang (selain daripada dengan cara membaharui lesen bagi tahun yang terdahulunya atau bagi penjualan makanan atau minuman segar sahaja) melainkan di atas pengeluaran oleh orang itu suatu perakuan yang ditandatangani oleh seorang pegawai polis yang berpangkat Penolong Penguasa atau yang lebih tinggi, atau oleh Pegawai Penjaga suatu Daerah Polis, yang memperakukan bahawa orang itu adalah berwatak baik dan seorang yang wajar diberi lesen sebagai penjaja.

(4) Sebelum pengeluaran suatu perakuan kepada mana-mana orang di bawah peruntukan perenggan yang terdahulu, seorang pegawai polis yang berpangkat Penolong Penguasa atau yang lebih tinggi, atau Pegawai Penjaga suatu Daerah Polis, boleh menghendaki orang itu menyediakan gambarnya dalam pendua dan mematuhi semua langkah sebagaimana yang semunasabahnya perlu bagi mengambil dan merekodkan cap jarinya.

ORANG JAHAT DAN KUTURAYAU

Orang
yang
dahulunya
telah
disabitkan
di bawah
seksyen 27.

Tukang
telek.

28. (a) Mana-mana orang yang melakukan mana-mana kesalahan yang disebutkan dalam seksyen 27 Akta ini, selepas disabitkan dahulunya sebagai seorang lesor dan tak senonoh;

(b) tiap-tiap orang yang buat-buat atau berpura-pura melakukan telekan nasib, atau menggunakan apa-apa kepandaian, cara, atau

alat, dengan menelek tapak tangan atau selainnya, untuk menipu dan memperdayakan mana-mana orang;

- (c) tiap-tiap orang yang berkeliaran di sekitar dan menumpang di mana-mana bangsal atau pondok, atau di mana-mana bangunan yang ditinggalkan atau tidak diduduki, atau di tanah lapang, atau di dalam khemah, atau di dalam mana-mana kenderaan, yang tidak mempunyai apa-apa punca pendapatan yang nyata, dan tidak memberikan penjelasan yang memuaskan mengenai dirinya; Orang berkeliaran yang gagal memberikan penjelasan yang baik mengenai dirinya.
- (d) tiap-tiap orang yang dengan sengaja mendedahkan untuk pandangan, di atas atau berdekatan dengan mana-mana jalan awam atau di mana-mana tempat awam, apa-apa cetakan atau gambar lucah, gambar atau pertunjukkan sumbang lain; Mendedahkan cetakan yang lucah atau sumbang, dll.
- (e) tiap-tiap orang yang dengan sengaja, secara terbuka, tidak sopan dan dengan lucah mendedahkan dirinya dengan niat menghinna mana-mana orang lain; Mempamerkan diri dengan niat.
- (f) [Ditinggalkan menurut Akta 19/65.]
- (g) tiap-tiap orang yang pergi ke merata-rata tempat sebagai pengumpul atau pemungut sedekah, atau berusaha mendapatkan sumbangan khairat dari apa-apa sifat atau jenis, di bawah apa-apa kepura-puraan yang palsu atau fraudan; Pengumpulan khairat secara fraudan.
- (h) tiap-tiap orang yang bermain atau bertaruh dengan cara pertaruhan atau berjudi di atas atau berdekatan dengan mana-mana jalan awam atau di mana-mana tempat awam di atas atau dengan apa-apa meja atau alat perjudian, atau apa-apa syiling, daun terup, penanda atau benda lain yang digunakan sebagai alat atau cara pertaruhan atau perjudian tersebut untuk apa-apa permainan atau permainan nasib yang dibuat-buat; Pertaruhan atau perjudian awam.

Memiliki
alat-alat
pecah
rumah,
atau
senjata
berbahaya.

- (i) tiap-tiap orang yang dijumpai di antara masa matahari terbenam dan matahari terbit—
 - (i) bersenjatakan apa-apa senjata atau alat yang berbahaya, dengan niat untuk melakukan pecah rumah; atau
 - (ii) mempunyai dalam miliknya tanpa alasan yang sah (pembuktian terhadapnya adalah terletak ke atas orang tersebut) apa-apa kunci, penyungkil kunci, pengumpil, jek, bit atau alat memecah rumah yang lain; atau
 - (iii) menghitamkan mukanya atau menyamar dengan niat untuk melakukan apa-apa kesalahan; atau
 - (iv) dalam mana-mana bangunan dengan niat untuk melakukan apa-apa kesalahan di dalamnya;
- (j) tiap-tiap orang yang dijumpai di dalam atau di mana-mana rumah kediaman, atau premis bagi menjaga harta, atau di mana-mana halaman, taman atau kawasan yang dipagari, bagi apa-apa maksud yang menyalahi undang-undang;
- (k) tiap-tiap orang yang disyaki atau yang dianggap oleh umum sebagai pencuri, yang seringkali mengunjungi atau merayau di dalam atau berdekatan mana-mana sungai, terusan atau kali yang boleh dilayari, dok atau lembah, atau mana-mana pengkalan, dermaga atau gudang berdekatan atau bersebelahan dengannya atau mana-mana tempat awam atau di atas atau berdekatan dengan mana-mana jalan awam dengan niat untuk melakukan satu kesalahan yang boleh ditangkap dan tidak boleh dijamin, dan dalam membuktikan niat tersebut tidak perlu menunjukkan bahawa orang yang disyaki itu adalah bersalah terhadap apa-apa perbuatan atau perbuatan-perbuatan tertentu yang cenderung menunjukkan maksud atau

Dijumpai
di premis
bagi maksud
yang
menyalahi
undang-
undang.

Orang yang
disyaki,
dianggap
oleh umum
sebagai
pencuri
sering-
kali
mengunjungi
atau
merayau
dengan niat.

niatnya, dan dia boleh disabitkan jika, daripada hal-hal keadaan kes itu, dan daripada wataknya yang diketahui sebagai yang dibuktikan kepada Mahkamah, didapati bahawa niatnya adalah untuk melakukan satu kesalahan yang boleh ditangkap dan tidak boleh dijamin; dan

- (l) tiap-tiap orang yang ditangkap sebagai seorang lesor dan tak senonoh yang dengan secara keras menentang penangkapan dan kemudiannya disabitkan dengan kesalahan yang mana dia ditangkap,

Orang
lesor
dan tak
senonoh
yang
menentang
penangkapan.

hendaklah disifatkan sebagai seorang jahat atau kuturayau dan boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ratus lima puluh ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

MEMILIKI HARTA SECARA FRAUDAN

29. (1) Mana-mana orang yang mempunyai dalam miliknya atau membawa dengan apa-apa cara pun apa-apa barang yang boleh disyaki dengan munasabah adalah telah dicuri atau diperolehi secara fraudan hendaklah, jika dia gagal memberi penjelasan dengan memuaskan bagaimana dia mendapatnya, boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Memiliki
harta
secara
fraudan.
[Pin. Akta
A551.]

(2) Jika mana-mana orang dituduh mempunyai atau membawa apa-apa barang yang dicuri atau diperolehi secara fraudan membuat kenyataan bahawa dia menerima barang itu daripada orang lain, atau bahawa dia telah diambil bekerja sebagai pembawa, ejen atau pengkhidmat untuk membawa barang itu bagi orang lain, Majistret boleh menyebabkan tiap-tiap orang lain tersebut, dan juga, jika perlu, tiap-tiap pembeli yang dahulu atau yang berpura-pura membeli atau orang lain yang melalui miliknya barang itu dipindahkan, dengan syarat bahawa orang lain itu yang dikatakan pernah

memiliki barang itu berada di dalam bidang kuasa Majistret tersebut, dibawa ke hadapannya dan diperiksa, dan boleh memeriksa saksi-saksi di atas sumpah berkenaan dengan barang itu.

(3) Jika Majistret itu mendapati bahawa mana-mana orang sedemikian yang dibawa ke hadapannya pernah memiliki barang tersebut dan mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa barang itu telah dicuri atau diperolehi secara fraudan orang itu boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(4) Perkataan "milik" dalam subseksyen (1), (2) dan (3) seksyen ini termasuklah milik di dalam rumah, bangunan, kenderaan, kapal, vesel, bot atau tempat lain serta milik di atas atau berdekatan dengan jalan awam atau di dalam tempat awam.

(5) Mana-mana orang yang—

- (a) telah disabitkan dengan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen ini atau di bawah Bab XII atau Bab XVII Kanun Keseksaan; atau
- (b) telah disabitkan di Republik Singapura dengan suatu kesalahan yang sama sifatnya dengan mana-mana kesalahan itu,

dan kemudiannya disabitkan dengan kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen ini boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Menggeledah
harta yang
dicuri atau
diperolehi
secara
fraudan.

(6) Jika maklumat diberi di atas sumpah kepada Majistret bahawa terdapat sebab untuk mengesyaki bahawa apa-apa harta yang secara munasabah disyaki telah dicuri atau diperolehi secara fraudan berada di dalam mana-mana rumah, bangunan, kapal, vesel, bot atau tempat lain, Majistret tersebut boleh, dengan

*N.M.B. Bab
45; P.T.M.
Bil. 32/1948.*

waran yang dialamatkan kepada mana-mana pegawai polis, menyebabkan rumah, bangunan, kapal, vesel, bot atau tempat lain tersebut dimasuki dan digeledah pada bila-bila masa siang atau malam.

(7) Maklumat yang disebutkan dalam subseksyen (6) seksyen ini hendaklah memperihalkan harta yang disyaki dengan munasabah telah dicuri atau diperolehi secara fraudan itu, dan hendaklah juga memperihalkan rumah, bangunan, kapal, vesel, bot atau tempat lain di mana harta tersebut disyaki berada.

(8) Jika dengan membuat geledahan itu apa-apa harta, sebagaimana yang diperihalkan dalam maklumat itu, dijumpai dalam rumah, bangunan, kapal, vesel, bot atau tempat lain, pegawai polis yang membuat geledahan itu atau pegawai polis lain hendaklah membawa harta tersebut ke hadapan Majistret atau mengawal harta tersebut di tempat itu atau selainnya meletakkan barang-barang tersebut di suatu tempat yang selamat.

(9) Pegawai polis yang membuat geledahan itu atau pegawai polis lain boleh menangkap dan membawa ke hadapan Majistret mana-mana orang yang berada di dalam rumah, bangunan, kapal, vesel, bot atau tempat lain tersebut yang di dalam milik atau di bawah kawalannya harta tersebut dijumpai.

(10) Peruntukan seksyen 59, 64 dan 65 Kanun Prosedur Jenayah hendaklah terpakai bagi penggeledahan-penggeledahan yang dibuat di bawah seksyen ini.

*N.M.B.
Bab 6.*

30. (1) Jika mana-mana pemegang pajak gadai atau mana-mana peniaga barang-barang terpakai atau mana-mana pekerja platinum, emas atau perak atau mana-mana peniaga artikel platinum, emas atau perak, dalam masa sepuluh hari daripada penerimaan apa-apa barang atau apa-apa logam atau artikel tersebut, atau selepas menerima maklumat daripada seorang pegawai polis bahawa apa-apa barang, logam atau artikel yang dinyatakan telah dicuri atau diperolehi secara fraudan, melebur, mengubah atau mencacat atau melepas milik atau selainnya menyimpan barang-barang itu, atau menyebabkan

Memusnahkan atau melupuskan barang-barang dan artikel tertentu dalam masa sepuluh hari daripada penerimaan.

barang-barang itu dilebur, diubah atau dicacat atau dilepas milik atau selainnya disimpan tanpa kebenaran dahulu daripada Ketua Pegawai Polis, dan dibuktikan bahawa barang-barang, logam atau artikel tersebut telah dicuri atau diperolehi secara fraudan, pemegang pajak gadai, peniaga barang-barang terpakai, pekerja atau peniaga tersebut boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ratus ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya:

Dengan syarat bahawa, jika nilai barang-barang, logam atau artikel itu tidak melebihi tiga ratus ringgit subseksyen ini hendaklah berkuatkuasa seolah-olah perkataan "sepuluh hari" itu digantikan oleh ungkapan "tiga hari (tidak termasuk mana-mana cuti mingguan)".

(2) Jika apa-apa barang atau artikel, yang kepadanya peruntukan subseksyen (1) seksyen ini terpakai, adalah secara biasanya dijual atau dicadangkan untuk digunakan bersama dalam pasangan atau set, maka nilai barang-barang atau artikel itu hendaklah, bagi maksud subseksyen tersebut, ialah nilai pasangan atau set barang-barang atau artikel tersebut.

(3) Peruntukan-peruntukan seksyen ini tidak terpakai bagi mana-mana pemegang pajak gadai atau mana-mana peniaga barang-barang terpakai atau mana-mana pekerja platinum, emas atau perak atau mana-mana peniaga artikel platinum, emas atau perak yang menerima apa-apa barang, atau logam atau artikel tersebut daripada pemegang pajak gadai, peniaga barang-barang terpakai, pekerja atau peniaga yang lain, jika barang-barang, logam atau artikel itu telah disimpan oleh pemegang pajak gadai, peniaga barang-barang terpakai, pekerja atau peniaga yang disebutkan terdahulu itu selama sekurang-kurangnya bagi tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (1) seksyen ini dan bersesuaian dengan barang-barang, logam atau artikel tersebut.

31. (1) Tertakluk kepada peruntukan subseksyen (2), mana-mana pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang pada penglihatannya melakukan kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Akta ini, atau disyaki dengan munasabah melakukan apa-apa kesalahan terhadap Akta ini melainkan orang tersebut memberi nama dan alamatnya dan memuaskan hati pegawai itu bahawa dia akan menjawab dengan sewajarnya apa-apa saman atau prosiding lain yang mungkin diambil terhadapnya.

Tangkapan.
[Pin. Akta
40/67.]

(2) Mana-mana haiwan, kenderaan atau artikel yang mengenainya, dengannya atau baginya suatu kesalahan telah atau dipercayai dengan munasabah telah dilakukan boleh disita dan dibawa ke suatu paun atau balai polis dan disimpan di situ sehingga tuduhan telah diselesaikan, melainkan dilepaskan lebih awal dengan perintah Majistret atau mana-mana pegawai polis yang menjaga sesuatu balai polis atau mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak kurang daripada sarjan:

Dengan syarat bahawa jika apa-apa harta yang disita dan ditahan itu adalah tertakluk kepada kereputan yang cepat dan semulajadi atau pada pendapat Ketua Pegawai Polis bernilai kurang daripada sepuluh ringgit, harta tersebut boleh dijual pada bila-bila masa dan pendapatan bersih daripada jualan tersebut hendaklah disimpan dan dilupus dengan cara sebagaimana Majistret boleh mengarahkan dalam perbicaraan terhadap tuduhan itu.

32. Ketua Polis Negara atau mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak kurang daripada Penolong Penguasa yang diberikuasa khas dalam hal itu oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* boleh mengikut budi bicaranya mengkompaun mana-mana kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 3, 6, 9, 10, 11 atau 12 Akta ini dengan menerima daripada

Kuasa untuk mengkompaun kesalahan-kesalahan.
[Pin. P.U.
297/59,
Akta 15/61.]

orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan tersebut sejumlah wang tidak melebihi dua puluh lima ringgit:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 9 Akta ini boleh dikompaunkan jika apa-apa kerosakan telah dilakukan oleh mana-mana haiwan yang disebutkan dalam seksyen tersebut.

Kuasa
Negeri-
Negeri
untuk
membuat
undang-
undang
mengenai
perkara-
perkara
jenayah
kecil.
[Pin. P.U.
297/59.]

33. (1) Sesuatu Dewan Undangan boleh meluluskan undang-undang mengenai apa-apa perkara-perkara jenayah kecil sebagaimana Yang di-Pertuan Agong boleh tetapkan dari semasa ke semasa melalui perintah dan boleh mengenakan penalti di bawahnya bagi apa-apa pelanggaran terhadapnya, dengan syarat bahawa tiada apa-apa penalti itu boleh melebihi denda seratus ringgit atau penjara selama tempoh tiga bulan atau kedua-duanya (tetapi, walau bagaimanapun, jika peruntukan dibuat bagi satu penalti penjara, maka peruntukan hendaklah juga dibuat bagi alternatif terhadap denda).

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh, dari semasa ke semasa, membatalkan atau meminda apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) seksyen ini.

Pemansuhan.

34. (1) Ordinan dan Enakmen-Enakmen yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Akta ini adalah dengan ini dimansuhkan.

(2) (*Dimansuhkan oleh Akta 19/65*).

KESALAHAN KECIL

37

JADUAL PERTAMA

[Seksyen 34 (1)]

N.S. Bab 24	Ordinan Kesalahan Kecil
N.M.B. Bab 46	Enakmen Kesalahan Kecil
Enakmen Johor No. 6	Enakmen Kesalahan Kecil
Enakmen Johor No. 34	Enakmen Harta Curi dan Kaki Jenayah
Enakmen Kedah No. 111	Enakmen No. 111 (Kesalahan Kecil)
Enakmen Kedah No. 118	Enakmen No. 118 (Harta Curi)
Enakmen Kelantan No. 5 Tahun 1932	Enakmen Kesalahan Kecil 1932
Enakmen Trengganu No. 11 Tahun 1356	Enakmen Kesalahan Kecil
Enakmen Perlis No. 7 Tahun 1356	Enakmen Kesalahan Kecil

JADUAL KEDUA

[25A (4)]

BAHAGIAN I

Kain samaran ialah sehelai kain yang dibuat daripada kapas [Pin.
yang tebal atau bahan 'polyster viscose' berwarna dasar khaki
selas-menyela dengan tompok-tompok cokelat, kelabu, hijau tua
dan hitam dengan bentuk dan saiz yang tidak ditentukan. Akta A44.]

BAHAGIAN II

Pakaian seragam samaran ialah pakaian seragam yang
mengandungi topi, jaket berlengan panjang dan seluar panjang
yang dibuat daripada kain samaran.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 336

AKTA KESALAHAN KECIL 1955

(Disemak—1987)

*Butir-butir di bawah seksyen 7 (ii) dan (iii) Akta
Penyemakan Undang-Undang 1968 (Akta 1)*

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuatkuasa dari
Ord. 43/58 ...	Ordinan Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958	1-1-1959
Ord. 63/58 ...	Ordinan Kesalahan Kecil (Pindaan) 1958	27-12-1958
Ord. 15/59 ...	Ordinan Kesalahan Kecil (Pindaan) 1959	21-3-1959
P.U. 297/59 ...	Perintah Perlembagaan Persekutuan (Ubahsuaian Undang-undang) (Tambah) 1959	3-9-1959
Akta 23/60 ...	Akta Angkatan Pelawat 1960	30-7-1960
Akta 15/61 ...	Akta Kesalahan Kecil (Pindaan) 1961	23-3-1961
Akta 19/65 ...	Akta Kuturayau 1965 ..	1-3-1965
Akta 27/66 ...	Akta Kesalahan Kecil (Pindaan) 1966	14-4-1966
Akta 40/67 ...	Akta Kesalahan Kecil (Malaysia) (Pindaan) 1967	29-8-1967
P.U. (A) 235/70	Ordinan No. 37 (Kuasa-Kuasa Perlu) Dharurat 1970	10-7-1970
Akta A44 ...	Akta Kesalahan Kecil (Pindaan) 1971	30-4-1971
Akta 160 ...	Akta Matawang Malaysia (Ringgit) 1975	29-8-1975

[Senarai Pindaan]

KESALAHAN KECIL

39

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuatkuasa dari
Akta A324 ...	Akta Kanun Acara Jenayah (Pindaan dan Perluasan) 1976	10-1-1976
Akta A354 ...	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1976	27-8-1976
Akta 183 ...	Akta Orang-orang Papa 1977	15-11-1977
Akta A551 ...	Akta Kesalahan Kecil (Pindaan) 1983	20-2-1983

SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIAN-
BAHAGIANNYA YANG DIGANTI

No.	Tajuk
Ord. P.T.M. 3/55 ...	Ordinan Kesalahan Kecil 1955